

ASPEK TEKSTUAL DAN PRAKTIS SOSIAL DALAM NOVEL SUNGAI MENGALIR LESU

*TEXTUAL AND SOCIAL PRACTICAL ASPECTS IN THE NOVEL SUNGAI MENGALIR
LESU*

Tengku Shahrolnizam TENGKU YAHYA^{*1}

Fauzi HASAN²

Rohaidah HARON³

¹Majlis Amanah Rakyat

²Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

³Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

^{*1}shahrolnizam.yahya@mara.gov.my

²Fauzihasan71@gmail.com

³Eyda1826@um.edu.my

Corresponding author*

Received: 16th February 2024

Accepted: 5th October 2024

ABSTRAK

Novel Sungai Mengalir Lesu (SML) yang dihasilkan pada tahun 1984 merupakan satu daripada karya besar yang ditulis oleh sasterawan negara A. Samad Said. Karya yang bertemakan Perang Dunia ke-2 yang berlatarbelakangkan Singapura ketika dijajah oleh Jepun ini menarik untuk dikaji dari sudut analisis wacana. Berdasarkan pendekatan wacana kritis, tiga analisis yang perlu diketengahkan ialah analisis tekstual, wacana praktis dan praktis sosial, namun demikian kajian ini hanya akan mengetengahkan analisis tekstual dan praktis sosial sahaja. Analisis tekstual dalam SML akan memfokuskan aspek leksikal, iaitu pemilihan kata-kata bersifat tabu atau perkataan berbentuk larangan yang mempunyai hubung kait dengan praktis sosial masyarakat Melayu dalam wacana novel tersebut. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek tekstual, khususnya leksikal bersifat tabu dalam SML serta menganalisis leksikal tersebut dari sudut praktis sosial masyarakat Melayu. Berdasarkan teori analisis wacana kritis (CDA) yang dimajukan oleh Fairclough (1995), kajian ini mendapati wujud sepuluh leksikal tabu dalam SML yang dapat menggambarkan praktis sosial dalam novel ini. Penggemblengan leksikal bersifat tabu dalam SML menjelaskan bahawa pemilihan kata-kata bersifat tabu dalam wacana novel sebenarnya mempunyai hubung kait dengan konteks sosial, khususnya praktis sosial masyarakat Melayu dalam wacana tersebut.

Kata kunci: Wacana kritis; tekstual; praktis sosial; leksikal dan tabu

ABSTRACT

The novel *Sungai Mengalir Lesu* (SML) which was produced in 1984 is one of the great works written by the national literary A. Samad Said. This work with the theme of World War 2, which is set in the background of Singapore when it was colonized by Japan, is interesting to study from the point of view of discourse analysis. Based on the critical discourse approach, the three analyzes that need to be highlighted are textual analysis, practical discourse and social practice, however this study will only highlight textual analysis and social practice. The textual analysis in SML will focus on the lexical aspect, which is the selection of taboo words or forbidden words that are related to the social practices of the Malay community in the novel's discourse. In relation to that, the objective of this study is to identify textual aspects, especially lexical taboos in SML as well as analyze the lexical from the social practical point of view of the Malay community. Based on the theory of critical discourse analysis (CDA) advanced by Fairclough (1995), this study found that there are ten lexical taboos in SML that can describe social practices in this novel. Tabu lexical integration in SML explains that the selection of taboo words in the discourse of the novel is actually related to the social context, especially the social practices of the Malay community in the discourse.

Keywords: Critical discourse; textual; social practice; lexical and taboo

Pengenalan

Sungai Mengalir Lesu (SML) merupakan satu daripada karya besar yang dihasilkan oleh sasterawan negara yang tersohor Datuk A. Samad Said. Novel yang diterbitkan pada tahun 1984 ini berlatarbelakangkan Perang Dunia kedua semasa penjajahan Jepun di Singapura. Karya agung ini sarat dengan pengajaran dan nilai-nilai murni yang berjaya menggambarkan kesusahan kehidupan masyarakat pelbagai kaum semasa zaman Jepun sehingga pembaca dapat merasakannya. Penderitaan yang dilalui oleh masyarakat yang digambarkan oleh pewacana begitu hebat sekali seperti masalah kelaparan dan kebuluran sehingga masyarakat terpaksa melakukan apa-apa sahaja demi survival kehidupan. Sungai Mengalir Lesu yang digambarkan oleh pewacana sebagai sungai yang begitu jijik, namun bagi penduduk yang tinggal di sepanjang sungai ini, khususnya kanak-kanak mereka tetap meneruskan rutin harian seperti bermandi-manda dan berenang di dalamnya. Kanak-kanak seperti Dalim, Sukon, Baharom dan beberapa orang watak lagi bagaikan tidak berasa apa-apa dengan kotoran di sungai tersebut dan itulah kenikmatan yang dikecapi semasa zaman peperangan. Di dalam novel ini, pewacana menggambarkan SML sebagai sungai yang cukup kotor, tercemar dan menjadi sumber kehidupan masyarakat yang tinggal di sekitarnya. Bertitik tolak daripada senario tersebut, maka leksikal yang dimanfaatkan di SML turut mempunyai kaitan dengan gambaran sungai tersebut. Hal ini dapat dikesan menerusi penggemblengan leksikal tabu yang secara tidak langsung seiring dengan gambaran pewacana terhadap sungai yang mengalir lesu itu.

Justeru, kehebatan pewacana menggambarkan latar masa peperangan di dalam SML amat menarik untuk dikaji dari sudut wacana, khususnya analisis wacana kritis. Sebagai novel yang menjadi karya agung, penelitian dari sudut analisis wacana kritis amat penting untuk diketengahkan kerana pendekatan kritis melihat wacana dari tiga aspek utama, iaitu aspek tekstual, wacana praktis serta praktis sosial. Aspek tekstual mengandungi elemen berkaitan ciri linguistik seperti perbendaharaan kata (leksikal), tatabahasa, tanda baca dan sebagainya yang dapat menyumbang hubungan kuasa dan ideologi dalam wacana (Fairclough, 1995, p.419). Aspek amalan wacana praktis pula berkaitan penghasilan wacana yang terbentuk daripada pengalaman manusia dalam pelbagai aktiviti seharian yang melibatkan proses seperti intertekstualiti dan interdiskursiviti (Fairclough, 1995, p.420), manakala aspek praktis sosial pula melibatkan penjelasan atau *explanation* yang menunjukkan keazaman terhadap struktur sosial dalam melakukan perubahan, khususnya dalam hubungan kekuasaan (Fairclough, 1989, p.21).

Sehubungan dengan itu, untuk tujuan makalah ini pengkaji akan meneliti dua aspek utama berdasarkan pendekatan kritis, iaitu aspek tekstual dan aspek praktis sosial. Aspek tekstual yang akan diketengahkan dalam kajian ini adalah tentang leksikal tabu, manakala aspek praktis sosial memfokuskan amalan sosial berdasarkan leksikal tabu yang dimanfaatkan oleh pewacana. Menurut *A Dictionary of Linguistics and Phonetics Sixth Edition* (2008, p.279) leksikal ialah istilah yang digunakan dalam linguistik untuk merujuk perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Oleh itu, pemilihan kata-kata tertentu dalam teks sebenarnya mempunyai hubung kait dengan konteks sosial, khususnya praktis sosial dalam SML. Dalam hal ini, perbincangan tentang aspek sosial dalam SML dilihat sesuai dengan aspek penjelasan dalam dimensi sosial yang mengandaikan wacana sebagai suatu bentuk tindakan sosial. Manusia menggunakan bahasa sebagai suatu tindakan dalam dunia realiti yang mempunyai kesan terhadap hubungan timbal balik antara wacana dengan struktur sosial.

Oleh yang demikian, aspek leksikal yang akan diketengahkan dalam kajian ini adalah tentang leksikal tabu serta kaitannya dengan praktis sosial yang ingin diketengahkan oleh pewacana. Menurut *Oxford Concise Dictionary of Linguistics* (2014, p.399), tabu merupakan perkataan berbentuk larangan dalam sesuatu komuniti masyarakat yang mempunyai kaitan dengan agama dan kesopanan. Persoalannya, sejauh manakah leksikal tabu digembleng sepenuhnya oleh pewacana dalam novel SML? Adakah aspek bahasa tersebut mempunyai kaitan dengan praktis sosial yang ingin diketengahkan oleh pewacana? Persoalan-persoalan inilah yang akan difokuskan dalam kajian ini terutama dalam meneliti

leksikal tabu dan kaitannya dengan amalan sosial yang ingin dikemukakan oleh pewacana. Justeru, apakah yang akan dikenal pasti dalam kajian ini melalui pendekatan analisis wacana kritis? Bagaimanakah analisis dilakukan terhadap data kajian? Bertitik tolak daripada persoalan tersebut, maka objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek tekstual, khususnya leksikal bersifat tabu dalam SML serta menganalisis leksikal tersebut dari sudut praktis sosial masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana keberkesanan sesuatu wacana novel amat bergantung pada sejauh mana aspek-aspek bahasa digembleng atau disusun oleh pewacana.

Sorotan Literatur

Tinjauan literatur bertujuan untuk meneliti kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh para pengkaji, khususnya tentang teori, teknik, bahan serta pendekatan yang digunakan dalam kajian novel SML. Dalam masa yang sama, tinjauan literatur penting untuk melihat jurang dalam kajian-kajian terdahulu.

Antara pengkaji awal yang meneliti novel SML ialah Jaminkhiri Chek Embi (2002). Kajian ini menganalisis unsur-unsur naturalisme dalam dua buah novel A Samad Said, iaitu *Salina* dan *Sungai Mengalir Lesu*. Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu untuk mengkaji falsafah naturalisme yang wujud dalam dua novel tersebut, menganalisis bagaimana naturalisme dibangunkan dalam teknik penulisan dan meneliti unsur-unsur naturalisme menghakis kesan moral dalam novel tersebut. Pendekatan yang digunakan dalam menganalisis novel ialah pendekatan period yang dibawa daripada disiplin kesusasteraan bandingan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur-unsur naturalisme jelas terdapat di dalam kedua-dua novel tersebut. Selain itu, teknik pemerian dan dialog turut digunakan secara meluas oleh pengarang di dalam kedua-dua novel tersebut. Kehadiran unsur-unsur naturalisme telah menghakis kesan moral di dalam novel *Salina* dan *Sungai Mengalir Lesu*.

Kajian seterusnya oleh Saimon, Aminuddin dan Tazudin dan Nor Aisyah Hafiza (2001) berdasarkan empat novel terpilih A Samad Said, iaitu *Langit Petang* (1980), *Di Hadapan Pulau* (2000), *Sungai Mengalir Lesu* (2005), dan *Adik Datang* (2012). Kajian ini memfokuskan aspek leksis dalam bahasa terutamanya dalam pembentukan ayat. Dalam bidang linguistik, leksis merupakan perbendaharaan kata dalam bahasa, manakala leksis gender ialah perbendaharaan kata yang melibatkan jantina sama ada jantina lelaki, perempuan atau neutral. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan leksis gender dalam novel terpilih. A. Samad Said, menginterpretasi leksis gender menggunakan teori Medan Semantik (Syed M. Naquib al-Attas, 2001), dan menjelaskan jalinan leksis gender dengan medan semantik dalam novel A. Samad Said. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks bagi mengenal pasti leksis gender yang terdapat dalam novel terpilih A. Samad Said. Data leksis gender dalam novel-novel tersebut dianalisis menggunakan Teori Medan Semantik S. Ullmann (1963) menerusi pendekatan model analisis T. Izutsu (1964) dan Syed M. Naquib al-Attas (1970 dan 2001). Dapatan kajian mendapati bahawa leksis gender yang dipaparkan dalam novel terpilih A. Samad Said dikategorikan kepada tujuh kata fokus, iaitu, kekeluargaan, bentuk panggilan, gelaran, pekerjaan/jawatan, kata sifat, kata ganti nama diri dan kata nama. Kajian ini juga menunjukkan bahawa setiap kata fokus akan menerbitkan satu konsepsi berdasarkan medan semantik yang melatarinya.

Berikutnya kajian oleh Nur Hafeza Ahmad (2012) telah membincangkan isu pemindahan mesej mentifaks dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemindahannya dalam terjemahan mentifaks daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris. Korpus kajian dikenal pasti daripada novel Sungai Mengalir Lesu dan terjemahannya, *Lazy River*. Kajian ini berfokus terhadap konsep makna situasi oleh Larson (1984) dan penterjemahan semantik oleh Newmark (1981). Kajian ini bertujuan untuk meneliti pengungkapan semula pemikiran mesej mentifaks dalam teks terjemahan. Konsep budaya oleh Herskovits (1970) yang turut dimanfaatkan untuk mengenal pasti unsur budaya mentifaks dalam teks sumber. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mentifaks yang wujud dalam budaya bahasa sumber

dan dalam budaya bahasa sasaran lebih cenderung menepati fungsi teks sekali gus dapat diungkapkan kembali dalam teks terjemahan. Selain itu dengan kekurangan mesej yang berlaku pada terjemahan mentifaks dapat ditimbal balik menerusi maklumat tambahan dalam konteks kehadiran. Lantaran kerana sukarnya untuk mendapatkan kesamaan pemikiran yang mendasari sesuatu unsur budaya dalam dua bahasa yang berlainan, mesej mentifaks tidak dapat dipindahkan secara tepat daripada teks sumber kepada teks terjemahan. Implikasinya akan menimbulkan isu kehilangan makna, dan mendatangkan kerugian kepada pembaca sasaran kerana tidak dapat mengenali budaya sebenar dalam teks sumber.

Selanjutnya oleh kajian Neeshanti a/p Rhamaroo (2018) dalam novel SML berdasarkan teori strukturalisme genetik yang diperkenalkan oleh Lucien Goldmann. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti latar belakang pengarang novel, menganalisis konflik-konflik yang berlaku dalam masyarakat yang menjajah dan dijajah serta menilai pandangan dunia pengarang, iaitu pemikiran sosial A. Samad Said. Kajian ini menunjukkan terdapatnya kepentingan unsur-unsur luaran sesebuah novel seperti latar belakang pengarang, pemikiran pengarang, iaitu pandangan dunia pengarang mengikut zaman dan pengalamannya bagi menghasilkan sebuah karya yang bermutu. Kajian ini membuktikan bahawa latar belakang A. Samad Said selaku pengarang SML berperanan penting dalam menghasilkan sebuah karya historis yang menggambarkan realiti kehidupan rakyat Singapura yang tersiksa semasa pendudukan Jepun. Aspek ini dikaji dari segi zaman kanak-kanak beliau, zaman persekolahan ataupun pendidikan, dunia kepengarangannya dan akhirnya dunia kewartawanan. Pemikiran dunia A. Samad Said turut dikaji bagi melihat pendapat dan pandangan beliau terhadap sastera dan dunia realiti. Kajian juga menunjukkan bahawa konflik-konflik yang telah difokuskan ialah konflik antara golongan muda dengan pihak penjajah. Konsep golongan muda yang dimaksudkan adalah golongan remaja yang tinggal di sebuah kampung yang terletak di tepi sungai yang mengalir lesu.

Daripada keempat-empat sorotan kajian tersebut, ternyata terdapat perbezaan pendekatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji tentang novel SML. Kajian oleh Jaminkhiri Chek Embi (2002) memfokuskan unsur naturalisme di dalam novel SML dan *Salina*, manakala kajian oleh Saimon, Aminuddin dan Tazudin dan Nor Aisyah Hafiza (2001) adalah tentang unsur leksis di dalam empat novel terpilih tidak termasuk *Salina*. Nur Hafeza Ahmad (2012) pula memfokuskan aspek terjemahan mentifaks daripada novel SML kepada edisi bahasa Inggeris oleh Lazy River dan kajian oleh Neeshanti a/p Rhamaroo (2018) pula memfokuskan aspek pemikiran A. Samad Said dalam SML. Jurang penyelidikan yang wujud dalam keempat-empat kajian tersebut membuktikan kajian SML telah dilakukan dalam pelbagai disiplin. Daripada empat kajian tersebut, hanya kajian oleh Saimon, Aminuddin dan Tazudin dan Nor Aisyah Hafiza (2001) yang mempunyai sedikit persamaan dengan kajian ini kerana kerana aspek leksis yang ketengahkan dalam kajian tersebut turut difokuskan dalam kajian yang menggembelng aspek leksikal dari sudut analisis wacana kritis. Berdasarkan penelitian terhadap sorotan kajian tersebut, ternyata aspek tektstual dan praktis sosial belum pernah dikaji oleh mana-mana pengkaji dalam SML. Sehubungan dengan itu, diharapkan kajian ini dapat menambahkan lagi disiplin ilmu berdasarkan pendekatan kritis terhadap novel SML. Kesimpulannya kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu dalam novel SML amat penting untuk dijadikan landasan dalam kajian selanjutnya terutama dalam meneliti jurang yang wujud dalam kajian-kajian lepas.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian. Menurut Sabitha Marican (2009), pendekatan kualitatif memberi fokus terhadap proses dan dapatan kajian yang selalunya dipersembahkan dalam bahasa harian serta tidak bergantung pada nombor atau perkiraan statistik dalam memberikan penghuraian terhadap pemboleh ubah yang dikaji. Menurut Normaliza Abd Rahim (2019), kajian berbentuk kualitatif seharusnya mempunyai data yang mencukupi agar kebolehpercayaan dan kesahannya tinggi dan kebiasaannya data diperoleh menerusi teks, tulisan,

ujaran dan interaksi. Memandangkan kajian ini memanfaatkan dokumen atau teks sebagai bahan kajian, maka pendekatan kualitatif secara analisis wacana telah diaplikasikan kerana pendekatan ini melihat teks sebagai interpretasi makna secara mendalam dan subjektif. Menurut Norliza Jamaluddin (2020), teknik kualitatif dapat memberikan perspektif yang terperinci kerana tumpuan terhadap terhadap data yang bilangannya banyak. Sehubungan dengan itu, analisis wacana yang akan dilakukan memerlukan penjelasan yang mendalam terhadap data kajian seperti pemerihalan, interpretasi dan penafsiran. Kaedah kajian teks bersifat deskriptif ini sesuai untuk diterapkan dalam kajian kualitatif ini terutama bagi menganalisis aspek tekstual dan praktis sosial yang terdapat dalam novel SML. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan pemilihan data kajian, pembacaan data kajian serta menganalisis data kajian.

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kritis dari sudut tekstual yang memfokuskan leksikal tabu, iaitu perkataan berbentuk larangan yang dapat dikesan dalam data kajian dan seterusnya mengaitkan leksikal tersebut dengan praktis sosial yang ingin disampaikan oleh pewacana. Routledge Dictionary of Language and Linguistics (1996, p.1173) mendefinisikan tabu sebagai a *term that is avoided for religious, political, or sexual reasons and is usually replaced by a euphemism, e.g. rest room or bathroom for toilet*. Menurut kamus tersebut, tabu merupakan perkataan berbentuk larangan yang mempunyai kaitan dengan agama, politik atau jantina dan kebiasaannya leksikal tersebut akan digantikan dengan eufemisme yang lebih lembut dan tidak kasar. Sebagai leksikal yang berbentuk larangan, leksikal ini telah dikesan wujud dalam novel SML dan penggemblengan leksikal ini sudah tentu dapat dikaitkan dengan praktis sosial yang ingin disampaikan oleh pewacana.

Setelah menetapkan objektif kajian, pembacaan terhadap novel SML telah dilakukan dengan teliti bagi mengenal pasti maklumat tentang leksikal tabu. Seterusnya ialah proses analisis data kajian. Proses ini bermula dengan pengkaji membuat pencerakinan terhadap data kajian, iaitu mengeluarkan kesemua leksikal tabu yang ditemui dalam data kajian dan seterusnya menyusun leksikal tersebut untuk dipadankan dengan leksikal eufemisme. Sepuluh leksikal tabu tersebut dapat diteliti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Leksikal Tabu dalam Sungai Mengalir Lesu

Bil.	Leksikal Tabu	Halaman	Leksikal Eufemisme
1	jamban	2	bilik selesa
2	bodoh	10	tidak pandai
3	babi	15	khinzir
4	tahi	15	najis
5	pelesit	22	hantu
6	sial	8,47	tidak bernasib baik
7	janda	53	ibu tunggal
8	kentut	62	buang angin
9	berak	63	buang air besar
10	mampus	65	meninggal dunia
11	kuli	72	staf sokongan
12	buta	84	orang kelainan upaya
13	terkencing	85	buang air kecil
14	bangkai	85	jenazah
15	buntut	86	punggung

Hasil analisis terhadap data kajian, pengkaji telah mengenal pasti 10 data yang dapat dikaitkan dengan leksikal tabu. Pemilihan *jamban* sebagai leksikal tabu dalam SML adalah sesuai kerana perkataan ini dianggap kasar dan sering digantikan dengan *bilik selesa* bagi menunjukkan bahasa yang


lebih lembut. Leksikal *bodoh* pula dipilih kerana perkataan ini menunjukkan unsur tabu dan sememangnya dilarang penggunaan dalam masyarakat Melayu khususnya. Perkataan *babi* pula sudah sekian lama dianggap kasar dan sering digantikan dengan perkataan Arab, iaitu *khinzir*. Berikutnya ialah leksikal *janda* juga dianggap tabu dalam masyarakat Melayu, manakala *berak* turut dianggap kasar dan sering digantikan dengan perkataan yang lebih lembut seperti *buang air besar*. Seterusnya leksikal *mampus* yang bermaksud *meninggal dunia* sememangnya sering dielakkan dalam perbualan seharian, manakala *buta* sering dikaitkan dengan orang yang cacat penglihatan dan lazimnya bentuk eufemisme leksikal ini ialah *orang kelainan upaya* (OKU). Seterusnya leksikal *terkencing* juga dianggap tabu dan perlu dielakkan dalam perbualan seharian dan *bangkai* juga melambangkan bahasa yang kasar dan jika merujuk manusia sering digantikan dengan perkataan *jenazah*. Kesemua 10 data yang telah dikenal pasti itu kemudiannya disusun mengikut halaman yang terdapat di dalam novel SML bagi proses perbincangan dengan lebih terperinci.

Kerangka Konseptual dan Teori Kajian

Kerangka konseptual dapat menggambarkan secara keseluruhan kajian ini. Rajah 1 memaparkan kerangka konseptual kajian ini yang melibatkan objektif kajian, metodologi kajian serta dapatan kajian. Ketiga-tiga elemen ini akan dipandu oleh teori analisis wacana kritis (CDA) yang merupakan landasan bagi kajian ini.

Rajah 1

Kerangka Konseptual



Analisis tekstual merupakan analisis pertama yang berkaitan pemerihalhan (*description*) dalam kerangka teori analisis wacana kritis. Menurut Fairclough (1995, p.419), analisis tekstual merupakan analisis tahap mikro yang menjadi sumber atau dasar kepada hubungan dan corak dalam teks serta dapat dikaitkan dengan perbincangan sosial yang lebih luas sama ada politik, undang-undang, ekonomi, sosial dan sebagainya. Analisis tekstual mengandungi elemen berkaitan ciri linguistik seperti perbendaharaan kata (leksikal), tatabahasa, tanda baca dan sebagainya yang dapat menyumbang kepada hubungan kuasa dan ideologi dalam wacana. Hal ini demikian kerana penerangan tentang unsur tekstual perlu diberi perhatian dalam menafsir hubungan antara teks dan interaksi dan seterusnya antara interaksi dengan konteks sosial (Fairclough, 1989, p.90). Sehubungan dengan itu, Fairclough (1989, p.92-93) telah mengemukakan empat persoalan yang perlu diberi perhatian ketika melakukan analisis tekstual. Persoalan pertama ialah persoalan tentang nilai yang terdapat dalam aspek kata atau leksikal. Persoalan pertama ini menjelaskan bentuk klasifikasi kata yang telah dikenal pasti sama ada mempunyai kaitan dengan ideologi atau tidak. Penggunaan kata atau leksikal dalam teks sememangnya boleh dihubungkan dengan ideologi yang ingin disampaikan dalam wacana seperti dalam bentuk kata berlebihan (*overwording*), kata atau frasa menggunakan perkataan lain (*rewording*),

kata sinonim, hiponim mahupun antonim. Persoalan kedua yang dilontarkan oleh Fairclough ialah persoalan tentang hubungan antara nilai dengan kata. Persoalan ini memerlukan penjelasan jitu sama ada perkataan yang digunakan dalam teks mempunyai unsur eufemisme atau sesuatu perkataan itu berbentuk rasmi atau tidak rasmi. Persoalan yang ketiga ialah persoalan nilai ekspresif yang dimiliki oleh kata dan persoalan terakhir ialah persoalan bagaimana metafora digunakan dalam teks. Kesemua persoalan yang dikemukakan ini perlu dijelaskan dalam analisis tekstual.

Berikutnya ialah analisis praktis sosial atau *explanation*. Menurut Fairclough (1995, p.66), wacana mempunyai perkaitan dengan praktis sosial, khususnya dalam mengubah pengetahuan, identiti dan hubungan sosial yang melibatkan kekuasaan sekali gus mempengaruhi praktis sosial yang lain. Hal ini demikian kerana sesuatu wacana mempunyai hubungan dialektik dengan dimensi sosial yang lain dan di sinilah wacana berpotensi untuk menjadi agen perubahan dalam masyarakat. Dalam konteks struktur sosial, Fairclough (1995, p.66) menjelaskan hubungan yang terbentuk dalam masyarakat dibentuk oleh unsur-unsur wacana dan bukan wacana. Dimensi ini jelas menunjukkan bahawa analisis wacana kritis merupakan suatu bentuk tindakan sosial terutama dalam mengetengahkan proses atau praktis sosial yang tersirat di sebalik wacana. Menurut Fairclough (1995, p.172-173), konsep praktis sosial membolehkan analisis struktur sosial dihubungkan dengan amalan sosial yang menyatukan semua elemen kehidupan menerusi bahasa. Teks sebagai bahasa bertulis merupakan gabungan dengan unsur-unsur lain seperti seperti gambar yang disatukan untuk menjadi amalan sosial dalam kehidupan. Sesungguhnya amalan sosial mempunyai hubungan dengan realiti sebenar. Menurut Fairclough (1989, p.31) amalan sosial bukan sekadar mencerminkan 'kenyataan', malah boleh mengubah kenyataan. Dalam hal ini, struktur sosial boleh menentukan jenis wacana yang ingin dizahirkan. Hal ini bermakna, Fairclough berusaha untuk menghubungkan antara analisis teks pada peringkat mikro kepada konteks yang lebih luas, iaitu peringkat makro atau konteks sosial. Sebab itulah dalam kerangka analisis wacana kritikal, kedua-dua tahap yang terdapat dalam kerangka dimensi kritis dibincangkan serentak.

Dapatan Kajian

Novel SML bukan sekadar kisah sungai semata-mata. Pewacana menggambarkan kesempitan dan kemelaratan hidup di sepanjang sungai ini telah mengorbankan banyak jiwa dan nyawa manusia akibat kesempitan hidup dan pelbagai lagi kisah kehidupan yang mencengkam kehidupan masyarakat. SML mengisahkan kehidupan di sebuah kampung di tepi sebatang sungai di Singapura semasa pendudukan Jepun. Kisahnya yang penuh tragis, penyeksaan, kebuluran, kemelaratan dan maut akibat kekejaman Jepun telah memaksa masyarakat di sini melakukan apa-apa sahaja untuk meneruskan kelangsungan hidup. Desakan untuk hidup menyebabkan anak-anak kecil terpaksa mencari rezeki di dalam sungai yang kotor, orang muda menjadi penyamun dan gadis-gadis menjadi pelacur. Penduduk kampung di tepi sungai ini sudah seperti sebuah keluarga walaupun mereka berlainan bangsa dan agama. Tempat persembunyian (*shelter*) mereka juga sama setiap kali berlakunya pengeboman dari udara. Dari sudut tekstual, novel SML tidaklah susah untuk difahami kerana pewacana menggembleng bahasa, iaitu aspek leksikal dan nahuan yang mudah untuk difahami oleh pembaca. Satu daripada aspek leksikal yang telah dikenal pasti dalam novel SML ialah leksikal tabu. Pemanfaatan leksikal tabu oleh pewacana telah menjadikan novel ini berjaya dihayati oleh pembaca sekali gus merasai kesengsaraan yang digambarkan menerusi watak-watak di dalam novel SML.

Berdasarkan penelitian terhadap data kajian, terdapat sepuluh leksikal tabu yang akan dibincangkan dalam kajian ini dan setiap leksikal tersebut akan dikaitkan dengan praktis sosial yang ingin dikongsikan dengan pembaca. Antara leksikal tabu yang dikesan dalam data kajian ialah *jamban*. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi Jadual 2 di bawah.

Jadual 2*Leksikal Tabu jamban*

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
1.	<i>jamban</i>	Dalam keadaan lesu yang seperti itulah Dalim keluar mencari Sukon. Dia telah dimarahi oleh Tuminah, kakaknya, supaya jangan ke sungai waktu hujan-hujan begitu. Tuminah hilang di dalam <i>jamban</i> , Dalim hilang dari biliknya.

Leksikal tabu yang dikesan dalam data (1) ialah *jamban*. Menurut Kamus Dewan Perdana (KDP) (2021, p.863) *jamban* bermaksud bilik khas yang digunakan sebagai tempat buang air kecil atau air besar. Leksikal ini merupakan perkataan yang selalu dituturkan oleh masyarakat dahulu, namun pada masa ini leksikal ini jarang digunakan kerana membawa konotasi yang negatif, iaitu dikaitkan dengan tempat membuang najis atau kekotoran. Walau bagaimanapun, pewacana memanfaatkan leksikal *jamban* di dalam novel SML bagi menggambarkan praktis sosial, iaitu masalah kemiskinan dan kemelantaran yang sebenar yang berlaku pada zaman tersebut. Oleh sebab latar masa novel SML berlaku pada zaman pendudukan Jepun, maka masalah kemiskinan dan kemelantaran hidup yang dilalui oleh watak-watak seperti Sukon, Tuminah dan Dalim perlu disesuaikan dengan budaya kehidupan masyarakat pada masa itu. Pewacana menggembleng unsur leksikal tabu untuk menunjukkan keadaan sosial masyarakat pada ketika itu yang hidup dalam penderitaan. Apabila pewacana menjelaskan *Tuminah hilang di dalam jamban*, hal ini menunjukkan *jamban* sesuai untuk menggambarkan praktis sosial kehidupan masyarakat yang miskin yang bergelumbang dengan kesusahan dan kebanyakannya membina *jamban* di tepi sungai. Walaupun leksikal *jamban* dianggap tabu dalam masyarakat kita pada hari ini, namun bagi pewacana leksikal tersebut menggambarkan keadaan sebenar budaya dan kehidupan masyarakat Melayu pada era peperangan. Dalam masa yang sama leksikal tersebut dapat dikaitkan dengan keadaan sungai yang penuh dengan kekotoran dan sewajarnya pewacana memanfaatkan *jamban* bagi menunjukkan sungai yang tercemar akibat pembuangan najis manusia.

Berikutnya, leksikal tabu yang dikesan dalam data kajian ialah *bodoh*. Menurut KDP (2021, p.308), *bodoh* bermaksud sukar untuk memahami, mempelajari atau melakukan sesuatu. Pada masa ini, perkataan *bodoh* sering kali dianggap tabu dan tidak baik untuk dituturkan dalam perbualan harian, namun di dalam novel SML leksikal ini dapat dikaitkan dengan praktis sosial yang berlaku dalam masyarakat pada ketika itu. Hal ini dapat diteliti menerusi Jadual 3.

Jadual 3*Leksikal Tabu bodoh*

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
2.	<i>bodoh</i>	Dan bila ada bom jatuh bertalu-talu, kadang-kadang dia akan mengajukan pertanyaan yang boleh mentertawakan dan boleh memanaskan hati pula. "Siapa yang main lempar-lempar batu itu?" Dia bertanya. "Bukan batulah, <i>bodoh</i> , bom, bom, tak tahu bom?" Basir pernah menjerit.

Dalam Jadual 3, perkataan *bodoh* merupakan leksikal tabu yang sering dielakkan dalam perbualan harian oleh masyarakat pada masa ini. Walau bagaimanapun, leksikal *bodoh* digembleng oleh pewacana di dalam SML adalah untuk menggambarkan keadaan sebenar masyarakat Melayu pada ketika itu yang sedang hidup dalam peperangan. Berdasarkan data (2), watak Tompong yang buta dan

lumpuh telah diejek sebagai seorang yang *bodoh* oleh Basir kerana Tompang tidak dapat membezakan antara batu dan bom. Apabila Tompang mengatakan bom yang jatuh itu sebagai permainan lempar-lempar batu, hal ini telah menimbulkan kemarahan oleh Basir yang menyebabkan Basir menjerit ke arahnya dengan mengeluarkan perkataan *bodoh*. Walaupun leksikal ini boleh membawa konotasi negatif kepada pendengar pada hari ini, namun bagi masyarakat Melayu pada ketika itu yang hidup dalam penderitaan perkataan ini dianggap wajar digembleng untuk menunjukkan peperangan yang sedang berlaku bukan perkara yang boleh diambil mudah. Dalam keadaan Tompang yang buta dan lumpuh, leksikal *bodoh* yang dikaitkan dengan Tompang dianggap wajar oleh pewacana kerana praktis sosial menerusi leksikal ini adalah untuk menunjukkan peperangan bukannya sesuatu yang boleh menjadi bahan guruaan.

Berikutnya ialah leksikal *babi* yang dapat dikenal pasti dalam dalam data (3). Perkataan *babi* sememangnya menjadi larangan dalam pertuturan seharian. Walau bagaimanapun, leksikal ini telah digembleng oleh pewacana berdasarkan contoh dalam Jadual 4.

Jadual 4

Leksikal Tabu *bodoh*

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
3.	<i>babi</i>	Dalim menyelam, kemudian timbul betul-betul pada kumpulan rezeki yang diharapkannya itu. Memang benar ada dua biji pisang, sebiji yang lisut masih belum terjamah, dan sebiji lagi sudah pun dimakan setengah entah oleh siapa. Sayangnya di tepi pisang dan potong kayu yang bersalut dengan tali guni dan sayur-sayur busuk itu terapung-apung pula tiga empat ketul tahi hitam yang panjang-panjang melengkung. Dalim meluikkan air yang berada di dalam mulutnya, lau menjerit: " <i>Babiiiiii !</i> "

Menerusi data ini, pewacana menggambarkan sungai yang menjadi tempat kanak-kanak bermandi-manda itu amat kotor. Demi meneruskan kehidupan, kanak-kanak seperti Dalim sanggup berenang di sungai yang tercemar itu untuk mendapatkan makanan yang ditemui terapung di sungai itu walaupun adakalanya air sungai yang kotor itu masuk ke dalam mulutnya. Bagi menggambarkan betapa kotornya air sungai itu, leksikal *babi* yang terkeluar dari mulut Dalim adalah untuk menunjukkan bahawa sungai tersebut sangat tercemar, namun akibat lapar mereka sanggup terjun ke sungai itu untuk mendapatkan makanan. Penggemblengan leksikal tabu *babi* dalam data ini dapat dikaitkan dengan praktis sosial masyarakat pada ketika itu yang terpaksa bertarung nyawa bagi mendapat bekalan makanan, hatta di dalam sungai yang kotor sekalipun menjadi tempat mereka mencari makanan. Leksikal tabu yang seterusnya ialah *tahi*. Hal ini dapat diteliti dalam Jadual 5.

Jadual 5

Leksikal Tabu *tahi*

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
----------	---------------	--------

4. *tahi* “Eiiiiii, Yadi, makan pisangkah, makan *tahiiiiii*?” jerit Dalim yang sudah pun berada di tepi Baharum yang paling kecil dalam kumpulan kawan-kawannya itu.
 “Makan pisang, jadi *tahiiiiii*,” jawab Irwan, mencelupkan tangannya ke dalam air sungai yang kotor itu.
 “Makan *tahi* boleh jadi pisang taaaaaaaak?” Dalim menjerit lagi.

Latar sungai yang kotor dan tercemar yang digambar dalam novel SML perlu diperkukuh dengan leksikal-leksikal yang berbentuk tabu. Sehubungan dengan itu, pemanfaatan leksikal *tahi* oleh pewacana dalam data (4) secara tidak langsung menyerlahkan lagi keadaan sungai yang menjadi nadi kehidupan masyarakat di Singapura semasa era Perang Dunia Kedua. Menerusi data ini, pewacana berulang kali memanfaatkan leksikal *tahi* yang dapat dikaitkan dengan watak Mulyadi, Irwan dan Dalim sehingga menjadi bahan gurauan. Praktis sosial yang dapat dikaitkan dengan data ini adalah untuk menonjolkan betapa kotornya sungai yang digambarkan mengalir dengan lesu akibat pelbagai bahan buangan termasuk najis manusia. Oleh yang demikian, pemanfaatan leksikal tabu *tahi* dilihat sesuai dengan keadaan sosial masyarakat Melayu yang tinggal di tepi sungai itu pada ketika itu yang secara tidak langsung dapat menggambarkan kemiskinan masyarakat Melayu pada era peperangan. Seterusnya, novel SML turut mengetengahkan leksikal *janda* yang merujuk ibu tunggal dalam bahasa yang lebih halus. Hal ini dapat diteliti dalam data (5) Jadual 6 di bawah.

Jadual 6

Leksikal Tabu *janda*

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
5.	<i>janda</i>	Tuminah tidak menjawab. Memanglah banyak orang yang tahu, katanya di dalam hati. Mata siapa pula yang tidak menengok Basir membawakan ikan sardin, susu tin, ubi kayu dan minyak? Siapa pula yang tidak tahu dia <i>janda</i> , dan Basir jantan? Siapa yang pernah menahan cerita nampak Basir bermalam di biliknya sekurang-kurangnya semalam seminggu? Tuminah menangis

Berdasarkan data (5), pewacana mengetengahkan watak Tuminah sebagai seorang *janda* yang menjadi kegilaan seorang lelaki bernama Basir. Leksikal *janda* yang merujuk perempuan yang telah bercerai dianggap tabu dalam masyarakat Melayu kerana membawa konotasi yang negatif. Sebagai novel yang bertemakan pendudukan Jepun semasa Perang Dunia Kedua, pewacana menggembleng leksikal ini bagi mewujudkan keadaan sebenar kehidupan masyarakat Melayu ketika menghadapi peperangan yang bukan sahaja berhadapan dengan masalah mendapatkan sumber makanan, malah turut menghadapi masalah keruntuhan rumah tangga. Unsur kiasan yang diberikan oleh pewacana terhadap sebatang sungai yang mengalir lesu diperkukuh dengan keadaan sosial masyarakat Melayu yang mengalami keruntuhan rumah tangga dengan gelaran *janda* diberikan kepada Tuminah. Sebagai *janda*, Tuminah yang bergelung dengan kehidupan yang miskin terpaksa meraih simpati daripada Basir untuk meneruskan kehidupan sehingga sanggup bermalam dengan Basir walaupun mereka belum berkahwin. Hal ini menunjukkan bahawa leksikal *janda* yang berkonotasi negatif dilihat menepati dengan perwatakan Tuminah yang sanggup bermalam dengan Basir tanpa ikatan perkahwinan sekali gus membuktikan pemanfaatan leksikal ini sesuai dengan praktis sosial yang hendak dikemukakan oleh pewacana.

Leksikal tabu seterusnya yang dikesan dalam data kajian ialah *berak*. Menurut KPD (2021, p.265) *berak* bermaksud berkenaan manusia dan haiwan yang mengeluarkan najis dari dubur. Sebagai leksikal tabu, perkataan *berak* sentiasa dilarang untuk disebut kerana dikatakan sebagai bahasa yang kurang sopan, walau bagaimanapun pewacana menggembelng leksikal ini untuk menunjukkan praktis sosial masyarakat Melayu semasa zaman dahulu yang lazimnya membuang air besar di sungai. Hal ini dapat diteliti dalam data yang disenaraikan dalam Jadual 7.

Jadual 7

Leksikal Tabu *berak*

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
6.	<i>berak</i>	<p>“<i>Berak, berak,</i>” jawab Sukon, segera berlari, menanggalkan seluar basahnya dan hilang di sebalik tongkang itu. Dua ekor angsa kurus kepunyaan Giap Hong yang biasanya dijaga ketat-ketat, meluru ke arah Sukon, tetapi mencacau lari kerana dilontari kayu dan tin buruk. “Aku nak <i>berak</i> kenapa kau nak usik, hah?” tanya Sukon.</p> <p>“<i>Berak</i> dalam air ni kan boleh?” jerit Dalim. “Siapa pun tahu. lepas timbul, lepas timbul.”</p>

Menerusi data (6), leksikal *berak* yang dianggap tabu dalam pertuturan harian telah digembelng oleh pewacana bagi menunjukkan keadaan sosial Melayu yang hidup dalam kemiskinan sehingga terpaksa membuang air besar di dalam sungai. Perlakuan Sukon yang membuang air besar di dalam sungai menunjukkan kekurangan infrastruktur pada ketika itu. Hal ini telah menambahkan lagi masalah pencemaran terhadap sungai tersebut yang dicemari dengan pelbagai bahan buangan, sampah sarap termasuklah najis manusia. Penggembelngan leksikal tabu *berak* dalam data ini secara tidak langsung menggambarkan praktis sosial masyarakat pada ketika itu yang hidup dalam serba kekurangan dan isu yang dibawakan ini dilihat selari dengan sungai mengalir lesu yang digambarkan oleh pewacana sebagai sungai yang sangat tercemar dengan najis manusia.

Selain leksikal *berak*, *mampus* juga merupakan leksikal yang berbentuk tabu dan sering dilihat berlawanan dengan tatasusila masyarakat Melayu jika diungkapkan dalam perbualan harian. Walaupun berbentuk tabu, leksikal *mampus* tetap dimanfaatkan dengan baik oleh pewacana yang dapat memaparkan praktis sosial sebenar masyarakat kita. Hal ini dapat diteliti dalam Jadual 8 di bawah.

Jadual 8

Leksikal Tabu *mampus*

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
7.	<i>mampus</i>	<p>“Kau nak mati, ya? Hei, Baharum kudut, kau nak <i>mampusss</i>, ya? Siren dan bunyi, kapal terbang dah dekat, kau nak <i>mampuuuusss?</i>” teriak Dalim, cepat memakai seluar dan singlet, bersedia untuk lari.</p>

Berdasarkan data (7), pewacana memanfaatkan leksikal *mampus* untuk menggambarkan keperitan yang dihadapi oleh masyarakat ketika askar Jepun menyerang petempatan penduduk. Menerusi data ini, Dalim mengingatkan Baharum bahawa dia akan *mampus* jika gagal mencari tempat perlindungan ketika askar Jepun sedang menggugurkan bom dari udara. Oleh sebab Baharum tidak mementingkan aspek keselamatan, maka Dalim telah mengeluarkan kata-kata tabu tersebut supaya Baharum

mengambil langkah segera untuk menyelamatkan diri. Pemanfaatan leksikal *mampus* dalam data ini menunjukkan praktis sosial tentang situasi peperangan yang perlu diberi perhatian oleh setiap orang. Dalam keadaan yang genting itu, perkataan sebegini perlu diungkapkan agar masing-masing dapat mengambil langkah berjaga-jaga di samping menunjukkan keadaan huru-hara ketika peperangan sedang meletus kerana nyawa boleh melayang pada bila-bila masa.

Berikunya ialah leksikal *buta* yang dapat dikenal pasti dalam data (8) berikut. Aspek tekstual ini juga dapat dikaitkan dengan leksikal tabu.

Jadual 9

Leksikal Tabu buta

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
8.	<i>buta</i>	'Orang <i>buta</i> mana tahu?' Baharum menjerit dari bawah, berdiri seketika mencekak pinggang, lepas itu berlari. Kali ini Menon, Lai Chee, Nasri dan Aman yang mulanya melihat-lihat saja ikut pula dari belakang, bantu menjeritkan: "Saya nak tengok kapal terbang jatuh, siapa nak tengok?"

Leksikal tabu yang dikesan dalam data (8) ialah *buta*. Buta ialah merujuk orang yang mengalami cacat penglihatan atau dalam bahasa yang lebih lembut disebut sebagai orang kelainan upaya (OKU). Namun demikian, dalam novel SML pewacana memanfaatkan leksikal *buta* yang merujuk masalah penglihatan yang dihadapi oleh Tompong. Berdasarkan data (8), Baharum dan rakan-rakannya seperti Menon, Lai Chee, Nasri dan Aman ingin melihat kapal terbang Jepun yang jatuh, namun Tompong tidak dapat melihatnya kerana dia seorang yang cacat penglihatan. Bertitik tolak daripada masalah penglihatan Tompong itu, Baharum menjerit kepada rakan-rakannya bahawa Tompong seorang yang buta dan sebab itulah dia tidak mengetahui ada kapal terbang yang akan jatuh. Justeru, data ini secara tidak langsung menunjukkan struktur sosial dalam masyarakat yang mempunyai hubungan yang rapat sekali gus leksikal sebegini perlu dimanfaatkan bagi mereka yang hidup semasa zaman peperangan.

Seterusnya ialah *terkencing*. Leksikal ini juga dianggap tabu dalam pertuturan seharian. Dalam bahasa yang lebih halus, leksikal ini lazimnya disebut sebagai membuang air kecil. Hal ini dapat diteliti dalam Jadual 10.

Jadual 10

Leksikal Tabu terkencing

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
9.	<i>terkencing</i>	Jukichi yang mengetuai rombongan itu, meredah bilik Salimah dan mengacukan muncung pistol ke kepala Econ, menyebabkan orang tua yang sudah sememangnya sakit itu, terketar menangis dan <i>terkencing</i> beberapa kali dalam lima enam minit sahaja.

Dalam data (9) *terkencing* yang bermaksud terkencing dengan tidak sengaja (KDP, 2021, p.1048) dimanfaatkan oleh pewacana bagi menunjukkan saat-saat genting yang dialami oleh seseorang watak yang sedang berhadapan dengan kematian. Menerusi data ini, Econ digambarkan berada dalam

ketakutan apabila Jukichi yang merupakan seorang askar Jepun mengacukan pistol di kepalanya. Penggembleran leksikal *terkencing* dalam data ini menjelaskan praktis sosial tentang kezaliman askar Jepun yang tidak mengira mangsa sama ada seorang yang muda atau tua sekali gus membuktikan bahawa peperangan yang dilalui oleh rakyat pada ketika itu cukup terkesan. Bertitik tolak daripada senario tersebut, pewacana perlu memanfaatkan leksikal tersebut yang membayangkan saat-saat genting yang dilalui oleh mangsa peperangan.

Akhir sekali ialah leksikal *bangkai*. Menurut KDP (2021, p.198) *bangkai* bermaksud haiwan yang telah mati. Hal ini dapat diteliti menerusi Jadual 11.

Jadual 11

Leksikal Tabu terkencing

No. Data	Leksikal Tabu	Contoh
10.	<i>bangkai</i>	Barangkali juga kerana Salimah tidak dijumpainya, kawan-kawan Katayama dapat menerima bahawa Katayama dan Salimah sama-sama mati oleh bom di tepi jambatan itu. Tetapi ke mana pula <i>bangkai</i> Salimah, kalaulah benar dia berada dengan Katayama malam yang penuh malapetaka itu?

Penelitian terhadap data (10) menunjukkan bahawa leksikal *bangkai* telah dimanfaatkan oleh pewacana bagi menjelaskan kekejaman yang dilakukan oleh askar Jepun. Dari segi bahasa, *bangkai* merupakan perkataan yang merujuk haiwan yang telah mati. Namun dalam konteks data ini, *bangkai* yang merujuk mayat Salimah telah digembler oleh pewacana bagi menggambarkan mangsa-mangsa peperangan yang terlibat akibat kekejaman askar Jepun dan pewacana melihat perkara ini wajar untuk diketengahkan dalam novelnya. Praktis sosial daripada data ini secara tidak langsung menggambarkan kesengsaraan yang dilalui oleh masyarakat ketika Perang Dunia Kedua meletus sehingga ramai yang menjadi mangsa peperangan. Setiap mangsa yang meninggal dunia dalam peperangan tersebut dikaitkan dengan *bangkai* sekali gus menjelaskan bahawa peperangan tidak membawa sebarang erti, malahan rakyat yang tidak berdosa menjadi mangsa.

Penutup

Daripada perbincangan di atas jelaslah bahawa pendekatan kritis yang menggabungkan antara aspek tekstual dan aspek praktis sosial tidak boleh dipisahkan. Disiplin ilmu dalam CDA menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang rapat antara aspek tekstual (sama ada leksikal atau nahan) dengan aspek praktis sosial kerana hubungan yang terbentuk antara kedua-duanya merupakan hubungan timbal balas antara bahasa dengan amalan sosial. Dalam hal ini, hubungan antara teks dengan praktis sosial boleh meninggalkan kesan kepada realiti kehidupan dan hal ini bertepatan dengan penegasan Fairclough yang menjelaskan wacana bukan mengkaji aspek tekstual semata-mata, malah wacana merupakan suatu bentuk praktis sosial yang digunakan oleh manusia untuk melakukan sesuatu tindakan.

Rujukan

A Dictionary of Linguistics and Phonetics Sixth Edition. (2008). Singapore: Blackwell Publishing.

A. Samad Said. (2019). *Sungai mengalir lesu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- Fairclough, Norman. (1989). *Language and power*. Second edition, London: Longman.
- Fairclough, Norman. (1995). *Critical discourse analysis the critical study of language*. New York: Routledge.
- Kamus Dewan Perdana. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaminkhiri Chek Embi. (2002). *Unsur-unsur Naturalisme dalam Salina dan Sungai Mengalir Lesu: Satu Kajian Perbandingan*. (Unpublished master's thesis). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Neeshanti A/P Rhamaroo. (2018). *Novel Sungai Mengalir Lesu: Satu Kajian Strukturalisme Genetik*. . (Unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nur Hafeza Ahmad Marekan dan Goh Sang Seong. 2012. Pemindahan mesej menitifaks Melayu dalam terjemahan novel Sungai Mengalir Lesu. *Journal of Language Studies*. 12(3), 1019-1035.
- Normaliza Abd Rahim. (2019). *Jom tulis tesis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norliza Jamaluddin. (2020). Data korpus berkomputer: Manfaat dan peranti analisis. Hasmidar Hassan & Puteri Roslina Abdul Wahid, *Kecendekiaan Melayu melalui bahasa, sastera dan budaya* (Ms, 126). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Oxford Concise Dictionary of Linguistics*. (2014). Oxford: Oxford University Press.
- Routledge Dictionary of Language and Linguistics. (1996). London and New York: Routledge.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan sains sosial pendekatan pragmatik*. Kuala Lumpur: Percetakan Naz Sdn. Bhd.
- Saimon, Aminuddin dan Tazudin dan Nor Aisyah Hafiza. (2001). Leksis gender dalam novel A Samad Said: Satu analisis medan semantik. *Persidangan antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya (RENTAS)*. 2-3 Jun 2021. Universiti Utara Malaysia.